



9. Ibu bapa perlu mendidik dan menanamkan
 A
 nilai murni dalam diri anak-anak mereka
 B
 dalam usaha melahirkan masyarakat
 C
 penyayang. Tiada kesalahan.
 D

Soalan 10 hingga 11

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan berhuruf condong dengan betul.

10. I Aliran muda merupakan tiang negara dan harapan bangsa.
 II Golongan remaja gemar berfesyen mengikut aliran zaman.
 III Kelas tambahan bagi murid aliran Sastera akan diadakan pada minggu hadapan.
 IV Aliran air longkang itu tersekat kerana banyak sampah di dalam longkang itu.
 A I dan II sahaja
 B III dan IV sahaja
 C I, II, dan III sahaja
 D II, III, dan IV sahaja
11. I Kemalangan itu berlaku disebabkan oleh keadaan jalan yang *licin*.
 II Dalila terpegun apabila melihat wajah Anis yang gebu dan *licin* itu.
 III Husna terhoyong-hayang lalu terjatuh apabila memijak lantai yang *licin* itu.
 IV Fauzi bernazar untuk *licin* kepalanya jika dia lulus dalam peperiksaan.
 A I, II, dan III sahaja
 B I, II, dan IV sahaja
 C I, III, dan IV sahaja
 D II, III, dan IV sahaja

Soalan 12 hingga 13

Bahagian yang bergaris dalam ayat-ayat yang berikut mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak. Tandakan sama ada A, B, atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.

12. Haziq menghadihkan sebutir subang kepada ibunya pada minggu lepas.
 A menghadihkan sepasang subang
 B menghadihi sebutir subang
 C menghadihi sepasang subang
 D menghadihkan sebutir subang
13. Pengetua sekolah sungguh gembira apabila melihat murid berdisiplin dan bersemangat waja.
 A gembira bila melihat murid
 B gembira bila memperlihatkan murid
 C gembira apabila memperlihatkan murid
 D gembira apabila melihat murid

Soalan 14

Pilih ayat yang mempunyai maksud yang sama atau maksud yang paling hampir dengan ayat yang dicetak tebal.

14. Azmi dan rakan-rakannya meneruskan pendakian ke puncak Gunung Kinabalu selepas berehat dan makan.
 A Selepas mendaki puncak Gunung Kinabalu, Azmi dan rakan-rakannya berehat dan makan.
 B Azmi dan rakan-rakannya berehat dan makan selepas mereka mendaki puncak Gunung Kinabalu.
 C Setelah berehat dan makan, Azmi dan rakan-rakannya meneruskan pendakian ke puncak Gunung Kinabalu.
 D Azmi dan rakan-rakannya berehat dan makan setelah sampai di puncak Gunung Kinabalu.